

31/03/1999

Wawasan Dr Mahathir diabadikan dalam CD

BARU-BARU ini tercipta sejarah yang membuktikan negara sudah memasuki era teknologi maklumat dan multimedia. Walaupun Universiti Multimedia hampir menjadi kenyataan dan negara kita pula tertunggu-tunggu pelancaran Measat 3, ia tidak sama dengan tugas menghasilkan program multimedia bermutu tinggi yang 100 peratus buatan Malaysia.

Malah, sungguh bertepatan subjek program ini ialah Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sangat menggalakkan pembangunan multimedia dan mengilhamkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai senjata masa depan. Sesiapa di kalangan kita yang ingin memahami asas wawasan pemimpin kita itu, eloklah segera mengikuti program ini.

Empat bahagian utama program ini yang mengandungi teks dan koleksi foto ialah The Man, The Nation, The New Paradigm dan What Others Say. Dua lagi bahagian utama ialah Speeches dan Video yang masing-masing mengandungi himpunan 35 teks ucapan oleh Dr Mahathir berhubung Business development, Human resource development, Leadership dan Vision serta 11 petikan video berkaitan beliau di dalam dan luar negara.

Sangat sukar untuk mengulas satu persatu kerana isi MAHATHIR: CEO Malaysia Inc terlalu luas tetapi ringkasnya, The Man mempunyai lima subtopik iaitu At the vortex, On the international front, Articles & books, Honours & titles dan His family. The Nation pula mengandungi History, The people, Politics, Industrialisation dan The information age.

The New Paradigm menyentuh pentadbiran baru, Malaysia boleh, penswastaan, smart partnerships, wawasan 2020, hubungan luar negara, MSC, pemulihan ekonomi dan Apec manakala What Others Say memetik pandangan peribadi mengenai Dr Mahathir oleh ramai tokoh dalam dan luar negara yang merangkumi rakan politik, para intelek, usahawan, pemimpin dan sebilangan warganegara Malaysia.

Program ini bukan edutainment maka, walaupun ia mengandungi banyak maklumat termasuk yang berunsur pendidikan, usahlah mengharapka ia menghibur. Tiada grafik mantap dan warna-warni, sebaliknya kandung teksnya berbanding yang lain ibarat nisbah air dan tanah di muka bumi. Kerana itu ia sangat sesuai untuk penuntut dan cendekiawan, pegawai dan profesional, perpustakaan dan pejabat kerajaan atau sebagai hadiah sesama ahli korporat dan cenderamata kepada pengunjung luar negara.

Andainya kita banyak mengikuti perkembangan semasa, banyak isi kandungan program ini sudah kita ketahui. Namun demikian, dua kisah mengenai Dr Mahathir sebelum beliau menempa nama di arena politik negara sangat menarik; bagaimana beliau sejak di bangku sekolah sudah peka dengan kesengsaraan bangsanya lalu diluahnya menerusi tulisan serta pernah menjadi aktivis menentang pembentukan Malayan Union oleh penjajah Inggeris selepas perang dunia. Memang banyak isi program ini yang boleh kita jadikan teladan dan inspirasi bagi mendorong kita sendiri menuju kejayaan.

Beberapa kemudahan yang sedia ada bersama program ini sangat berguna iaitu enjin cari boolean yang mampu bertindak pantas berdasarkan gabungan beberapa perkataan penting; bookmark yang membolehkan kita menandakan sesuatu lokasi yang kita tatapi agar kita mudah mengikutinya semula pada lain kala; serta banyak hubungan ke laman web yang berkaitan dengan topik yang kita tatapi supaya kita dapat memahaminya dengan lebih mendalam.

Di samping itu, ada juga fungsi hyperlink yang memberi menerangkan lebih jelas. Ini berkaitan perkataan atau ungkapan pilihan yang mempunyai maklumat atau kisah tambahan, selain dalam rencana utama. Perkataan atau

ungkapan pilihan ini diwarnakan biru berbanding yang lain berwarna putih. Jika diklikkan perkataan berkenaan, akan muncul petak dialog kecil yang menerangkan topik itu dengan lebih lanjut.

Inilah baru dikatakan multimedia dalam erti kata sebenarnya. Bukan sahaja teks boleh dibaca, gambar boleh dilihat dan petikan video boleh ditonton, malah dari tempat yang sama kita boleh pergi ke tempat lain, menatap pelbagai data dengan pantas sebelum kembali kepada perkara yang kita ikuti awal tadi. Jika perlu mana-mana bahagian untuk dibuat rujukan, cetakkan saja.

Sesungguhnya, kemudahan-kemudahan yang disebut tadi bukanlah baru, banyak program dari luar negara mempunyainya sejak beberapa tahun lalu. Bagaimanapun, harus difahami, MAHATHIR: CEO Malaysia Inc adalah keluaran tempatan dan berbanding program lain, dari luar negara sekali pun, ia sangatlah bermutu tinggi. Sesiapa yang selama ini bermegah kerana mempunyai koleksi buku-buku tebal mengenai Dr Mahathir, tidak lagi boleh berbangga selagi tidak memiliki sekeping CD yang ringan tapi canggih ini.

Namun demikian, ia tetap kekurangan satu ciri penting yang biasa terdapat dalam program seperti ini iaitu fungsi tour atau overview. Ini tidak menjejaskan mutunya atau mencacatkan persembahan tetapi program ini pasti lebih lengkap bersamanya. Lazimnya, program sebesar atau sepanjang ini boleh mengelirukan sesiapa yang menggunakannya buat kali pertama. Kalau ada persembahan pengenalan atau ringkasan kandungan program ini, mudahlah untuk mereka mengikuti program ini.

Bersama CD-ROM ini, ada juga rakaman temubual eksklusif lebih sejam dengan Dr Mahathir dalam bentuk video cakera padat (VCD). Antara lain, beliau menyentuh keutuhan Wawasan 2020, aspirasi suatu bangsa Malaysia, kepemimpinan dalam abad ke-21, Apec, ketinggian nilai kekeluargaan, generasi masa depan yang berkemampuan serta harapan dan wawasan masa depan.

Pakej CD-ROM dan VCD ini sudah ada di pasaran dan dijual pada harga RM60. Selain membeli terus daripada penerbitnya, ia boleh didapati di Pejabat Pos 2020, MAS Golden Boutique dan toko-toko buku. Bagi mereka yang dapat memperguna maklumat daripada pakej ini dengan sebaik-baiknya, nilainya jauh melebihi harganya dan ia dibungkus sangat kemas supaya dapat disimpan bertahun-tahun.

(END)